

Tak abai pelajaran walau berpersatuan

ALOR SETAR - Aktif berpersatuan tidak bermakna seseorang itu mengabaikan tanggungjawab hakiki sebagai seorang pelajar.

Bagi anak kelahiran Alor Setar, Ammar Badruddin Romli (**gambar**), 24, aktif mengikuti Persatuan Mahasiswa Darul Aman sebagai Timbalan Presiden, bukan penghalang baginya untuk muncul penerima graduan terbaik

Tuanku Canselor pada Majlis Konvokesyen Ke-12 Kolej Universiti Insaniah (Insaniah) di sini semalam.

Dia menerima anugerah itu daripada Sultan Kedah, Sultan Abdul Halim Muadzam Shah.

Ammar yang merupakan anak sulung daripada enam



beradik berkata, memikul jawatan tertinggi dalam persatuan menyebabkan beliau terpaksa mengikuti pelbagai seminar namun pembahagian masa adalah resipi kejayaannya.

"Pembahagian masa adalah penting bagi seorang pelajar untuk berjaya," katanya.

Ammar yang mengikuti kursus Ijazah Sarjana Muda Syariah Dengan Kepujian mendapat purata nilai gred kumulatif (PNGK) 3.7, mengamalkan belajar mengikut keadaan dan tidak menetapkan masa yang sesuai untuk mengulangkaji pelajaran.